

11 SEP 1997

PENGURUS DANA ASING YAKIN ASAS MALAYSIA MASIH MANTAP: DAIM

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Para pengurus dana asing masih yakin bahawa asas atau fundamental Malaysia masih mantap dan tiada sebab kebimbangan harus berlaku, kata penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin, hari ini.

"Kita akan terus menemui mereka dan setakat ini menghapuskan kesangsian mereka mengenai defisit akaun semasa negara dan apa yang dikatakan projek-projek mega.

"Mereka kini faham dan kita akan terus mendengar suara masyarakat peniaga," beliau memberitahu pemberita selepas melancarkan penerbitan "Malaysia Today", oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), di sini.

Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar berunding berterusan, kata Daim, sambil menambah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malahan akan menemui beberapa pengurus dana pada hujung minggu ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual menghadiri satu dialog dengan pengurus-pengurus dana di sini esok manakala Daim telah menemui beberapa pengurus dana minggu lalu.

Mengenai pengumuman Anwar semalam, katanya: "Saya kira ia adalah baik

"Jangan harap beliau memberikan butiran lanjutnya lagi, kelak beliau tidak ada apa-apa untuk dinyatakan pada hari Belanjawan."

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, telah menggariskan beberapa langkah bertujuan untuk mengurangkan tekanan inflasi dan mengurangkan defisit akaun semasa, yang termasuk pengurangan dua peratus dalam perbelanjaan.

Penagguhan keputusan-keputusan yang lain adalah mengenai penswastan projek-projek kerajaan dan kajian semula pembelian besar barangan asing oleh agensi-agensi kerajaan termasuk Angkatan Tentera.

Bercakap pada acara pelancaran itu, Daim berkata salah maklumat mengakibatkan kekerlriruan mengenai keadaan ekonomi.

Beliau berkata maklumat yang baik dan tepat adalah paling penting untuk memenuhi keperluan penduduk seluruhnya, terutamanya, masyarakat perniagaan dan antarabangsa.

Daim berkata ketika Malaysia terus mencapai kemajuan ekonomi yang lebih besar dan memainkan peranan sokongan di bidang antarabangsa, minat yang tulen dan pencarian maklumat yang tepat mengenai Malaysia menjadi lebih kompleks dan berbagai-bagai.

Beliau berkata bahawa krisis matawang dan kejatuhan pasaran saham tidak akan menceburkan Malaysia ke dalam kemelesetan.

Beliau menegaskan bahawa asas-asas ekonomi terus kukuh dan "kekuatan dan ketahanan kita akan memastikan kita melalui kesuraman sementara ini."

Daim berkata keadaan sekarang adalah sementara sahaja.

"Apa yang penting ialah bahawa kita tidak harus hilang keyakinan terhadap sistem sekarang dan mengambil pandangan jangka panjang terhadap ekonomi." -- BERNAMA

ZMY OS